

27/08/1998

IKIM anjur seminar perbankan Islam

KUALA LUMPUR, Rabu - Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) akan menganjurkan seminar Perkhidmatan dan Produk Kewangan Islam selama tiga hari bermula, esok.

Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata seminar itu dijangka dapat menambah percambahan fikiran serta menangkis perasaan was-was terhadap sistem perbankan Islam negara ini.

"Ramai yang bertanya bagaimana sistem perbankan yang selaras dengan Islam. Justeru, IKIM berharap seminar ini dapat memberi penjelasan terhadap perkara berkaitan termasuk dagangan hadapan, pelaburan, insurans dan saham amanah mengikut pandangan Islam," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Ahmad Sarji berkata, IKIM akan menjemput ramai pakar dalam bidang berkaitan dari dalam dan luar negara, termasuk Sudan, Arab Saudi dan United Kingdom.

Antara kertas kerja yang akan dibentangkan ialah Peranan Ulama dalam Perkembangan Fiqh Muamalat oleh Prof Dr Wahba al-Zuhaily (Syria); Dagangan Hadapan mengikut Islam oleh Dr Mohamed Ali Elgari (Saudi Arabia); Saham Amanah mengikut Islam oleh Datuk Ahmad Tajuddin Abd Rahman (Malaysia) dan Penyelesaian Percanggahan Undang-undang dalam Sektor Kewangan Menurut Perspektif Islam oleh Prof Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim (Malaysia).

Ahmad Sarji berkata, pihaknya sudah memilih 220 peserta pelbagai sektor termasuk perbankan, akademik, jabatan agama dan penuntut institusi pengajian tinggi untuk menyertai seminar itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka hadir pada majlis penutup dan mengadakan sesi dialog dengan peserta mengenai ekonomi negara.

(END)